

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 26 NOVEMBER 2014 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Tekankan aspek kualiti dalam produk dan perkhidmatan – Ewon Ebin	BERNAMA
2.	MOSTI sedia biaya penyelidikan penawar penagih dadah	Utusan Malaysia
3.	MOSTI sedia biyai penyelidikan	Sinar Harian
4.	MOSTI sedia biaya penyelidikan	Harian Metro
5.	Festival Sains Negara tema sains forensik	Sinar Harian
6.	BNM serbu 2 syarikat tiada lesen	Harian Metro
7.	BNM, CyberSecurity serbu dua premis	Berita Harian
8.	Malaysia sasar jadi pelopor utama sektor bioteknologi	Sinar Harian
9.	Amaran angin kencang di perairan Sabah dan Labuan	BERNAMA
10.	Petron rancang perluas kempen keselamatan jalan raya di seluruh negara tahun depan	BERNAMA
11.	Mavcap mahu tingkat penyertaan bumiputera dalam agihan dana	Utusan Malaysia
12.	Getting a foot in the door	The Star



Tekankan Aspek Kualiti Dalam Produk Dan Perkhidmatan - Ewon Ebin

KUALA LUMPUR, 25 Nov (Bernama) -- [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin](#) menggesa semua sektor di negara ini mempertingkatkan kualiti produk dan perkhidmatan mereka sebagai persediaan bersaing di pasaran terbuka.

Katanya amalan sistem pengurusan kualiti universal dan berlandaskan standard yang diiktiraf di peringkat antarabangsa akan dapat menjamin konsistensi produk selain memastikan perkhidmatan yang cekap, berkesan dan beretika.

"Sistem pengurusan kualiti berkesan boleh dijadikan satu alat pemasaran bagi menjana kejayaan, dalam suasana liberalisasi perdagangan dan pasaran yang kompetitif," katanya pada perasmian Simposium Pengurusan Kualiti 2014, di sini Selasa.

Menurutnya kerajaan juga komited memastikan amalan berorientasikan pelanggan diberi tumpuan selain membudayakan akauntabiliti dan keselesaan pelanggan.

Simposium ke-11 itu dianjurkan oleh East Asia Quality Consultants Sdn Bhd dengan kerjasama [Agensi Nuklear Malaysia](#) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) serta disokong Jabatan Standard Malaysia dan Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM).

Antara yang penceramah kali ini ialah Dr Nigel Croft, Pengerusi Jawatankuasa Teknikal ISO yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan standard ISO 9001 dunia.

Dalam pembentangannya, Croft berkata ISO 9001 kini dalam peringkat kajian semula untuk memasukkan elemen pengurusan risiko.

Turut dipertimbangkan ialah elemen inovasi, katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 27
TARIKH : 26 NOVEMBER 2014 (RABU)



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (dua dari kiri) menyampaikan sijil kepada peserta Seminar Keselamatan Negara Dalam Mendepani Isu Dadah dan Jenayah di Auditorium Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Ayer Keroh, Melaka, semalam.

MOSTI sedia biaya penyelidikan penawar penagih dadah

MELAKA 25 Nov. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedia membiayai sebarang bentuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi mencari penawar serta memulihkan kesihatan penagih dadah agar mereka dapat menjalani hidup sempurna.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, beliau percaya dengan kecanggihan teknologi pada hari ini, usaha mencari penawar dadah itu tidak mustahil mampu ditemui, seterusnya memulihkan kesihatan penagih seperti mana penyakit kronik yang lain.

Menurutnya, kaedah pemulihan konvensional yang diguna pakai oleh agensi berkaitan seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dalam merawat golongan itu masih boleh diteruskan namun jika aplikasi sains dan teknologi digunakan, kemungkinan tahap keberkesanannya dapat ditingkatkan.

"Banyak penyakit kronik seperti kanser dapat dirawat melalui penggunaan perubatan moden dan pengesanan awalnya juga menggunakan kemudahan teknologi, jadi adalah tidak mustahil kecanggihan teknologi juga mampu merawat penagih dadah.

"MOSTI sedia mengeluarkan peruntukan sehingga RM5 juta jika ada mana-mana pihak sudi membangunkan suatu produk yang dapat membantu merawat dan memulihkan kesihatan penagih dadah di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada

pemberita selepas penutupan Seminar Keselamatan Negara Dalam Mendepani Isu Dadah dan Jenayah di Auditorium Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Ayer Keroh, di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) AADK, Izhar Abu Talib dan penganalisis jenayah, Kamal Affandi Hashim.

Abu Bakar berkata, MOSTI turut mencadangkan kepada AADK untuk menjalin kerjasama dengan institusi penyelidikan dalam negara membangunkan penyelidikan tentang pemulihan kesihatan penagih dadah dan memohon dana daripada kementerian.

Menurutnya, melalui kerjasama 'flagship' itu, MOSTI dapat mengeluarkan peruntukan sehingga RM40 juta bagi membiayai penyelidikan berkenaan.

Sementara itu, Izhar menyambut baik saranan MOSTI dan sentiasa terbuka dalam mencari kaedah terbaik merawat penagih dadah agar golongan itu dapat pulih sepenuhnya.

Menurutnya, statistik AADK menunjukkan bahawa 52 peratus penagih dadah yang berdaftar dengan agensi itu adalah penagih berulang dan 48 peratus penagih baharu.

"AADK sentiasa mencari kaedah terbaik dalam memastikan penagih dadah pulih sepenuhnya sama ada kaedah itu secara tradisional, kero-hanian dan penggunaan teknologi moden," katanya.

Mosti sedia biayai penyelidikan

AYER KEROH - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) sedia membiayai penyelidikan bagi mencipta teknologi baharu memulihkan penagih dadah dengan segera tanpa menjalani kaedah rawatan konvensional yang dipraktikkan sekarang.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, cadangan penciptaan alat baharu itu mungkin boleh menyelesaikan kemelut penagihan dadah berulang di kalangan masyarakat negara ini.

"Kita perlu mencipta satu alat baru, contohnya apabila pesakit diimbas dan masuk ke dalam peralatan itu, kita dapat mengubati mereka.

"Kenapa pesakit kanser boleh dirawat dengan peralatan moden, canggih dan tidak mustahil idea ini boleh dicipta," katanya kepada media selepas merasmikan Seminar Keselamatan Negara Dalam Mendepani Isu Dadah dan Jenayah Peringkat Daerah Melaka Tengah di Kompleks Kementerian Dalam Negeri di sini, semalam.



Abu Bakar (tengah) menyampaikan sijil penyertaan kepada peserta membabitkan guru kaunseling dan kakitangan kerajaan, semalam.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 19
TARIKH: 26 NOVEMBER 2014 (RABU)

MOSTI sedia biaya penyelidikan

Melaka: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedia membiayai penyelidikan dan pembangunan (R&D) berteknologi tinggi bagi penghasilan peralatan moden merawat ketagihan dadah dalam kalangan penagih di negara ini.

Timbalan Menteri Datuk Abu Bakar Md Diah berkata, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) disaran menjalankan R&D melalui jalinan kerjasama dengan pihak berkepakaran tinggi termasuk hospital, universiti serta pakar dalam mahupun luar negara.

Katanya, AADK perlu mengorak langkah dalam mengatasi masalah penagihan dadah di negara ini dengan menggunakan kaedah teknologi tinggi antaranya mencipta atau mengubah suai peralatan moden yang mampu merawat ketagihan penagih.

"Perkara ini tidak mustahil kerana pelbagai penyakit termasuk barah boleh dirawat menggunakan peralatan berteknologi tinggi dan moden di hospital, jadi kenapa kita tidak mencipta peralatan moden untuk merawat ketagihan dalam kalangan penagih," katanya.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 08
TARIKH: 26 NOVEMBER 2014 (RABU)

Festival Sains Negara tema sains forensik

KUALA LUMPUR - Festival Sains Negara 2014 yang diadakan baru-baru ini mendapat sambutan menggalakkan dengan mensasarkan pelajar, remaja dan penuntut sebagai golongan utama.

Penganjuran kali keempat dan berlangsung di **Pusat Sains Negara (PSN)** menyediakan pelbagai aktiviti menarik seperti program ceramah daripada beberapa yayasan terpilih, *NXT Challenge*, bengkel, aktiviti semasa, pameran booth dan pameran bas bergerak.

Program bermula 22 November lalu yang akan berakhir berakhir pada esok ini adalah sempena cuti persekolahan.

Bertemakan *Solve The Mystery* pada kali festival kali, tema pameran ini diambil daripada pameran *WHODUNIT?* yang dibawa khas dari Australia.

Pameran pada kali ini berkonsepkan sains forensik interaktif dan dirasmikan secara serentak oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin, kelmarin.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 23
TARIKH: 26 NOVEMBER 2014 (RABU)

BNM serbu 2 syarikat tiada lesen

Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia (BNM) menyerbu dua syarikat di sini, awal bulan ini yang disyaki menjalankan aktiviti perniagaan pengiriman wang tanpa lesen.

Menurut kenyataan BNM, serbuan bersama dengan polis dan **Cyber-Security Malaysia** itu turut membabitkan premis ejen syarikat dan kediaman pengarah kedua-dua firma berkenaan.

"Aset dan dokumen syarikat berkaitan dirampas dan akaun bank mereka dibekukan untuk tujuan penyiasatan," kata kenyataan itu.

Serbuan dilakukan mengikut Seksyen 4(1) Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011.

Syarikat itu disiasat kerana melakukan kegiatan pengubahan wang yang menjadi kesalahan di bawah Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram.

BNM, CyberSecurity serbu dua premis

Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia (BNM) dengan kerjasama polis dan CyberSecurity Malaysia menyerbu dua premis di sini yang disyaki menjalankan perniagaan pengiriman wang tanpa lesen.

BNM dalam satu kenyataan semalam, berkata kedua-dua syarikat itu, juga disyaki terlibat aktiviti pengubahan wang.

"Premis ejen syarikat dan kediaman pengarah kedua-dua syarikat juga diserbu. Aset dan dokumen syarikat yang berkaitan dirampas dan akaun bank mereka dibekukan untuk tujuan siasatan," kata BNM.

Siasatan dibuat mengikut Seksyen 4(1) Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 dan Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan, Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

Didenda tak lebih RM5juta

Bagi kesalahan mengikut Seksyen 4(1) Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011, mereka yang disabitkan boleh didenda tidak lebih RM5 juta atau dipenjarakan tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya.

Untuk kesalahan mengikut Seksyen 4(1) Akta Pencegahan

Pengubahan Wang Haram, Pencegahan, Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001, pihak yang disabitkan kesalahan boleh dipenjarakan tidak lebih 15 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan yang diguna, atau RM5 juta menurut yang mana lebih tinggi.

BNM turut menasihati orang ramai agar tidak berurusan atau mengirim wang menggunakan syarikat tidak berlesen.

Tidak akan dilindungi

"Orang ramai tidak akan dilindungi daripada sebarang kerugian kewangan akibat menggunakan saluran perniagaan perkhidmatan wang haram kerana tiada mekanisme aduan dan bantuan penyele-

“
Premis ejen syarikat dan kediaman pengarah kedua-dua syarikat juga diserbu. Aset dan dokumen syarikat yang berkaitan dirampas dan akaun bank mereka dibekukan untuk tujuan siasatan”

Kenyataan BNM

saian rasmi jika berlaku pertikaian.

"Selain itu, tiada jaminan wang yang dikirim akan sampai kepada penerima sebenar," kata BNM.

BERNAMA

Malaysia sasar jadi pelopor utama sektor bioteknologi

PETALING JAYA - Negara memerlukan strategi lebih agresif dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai pemain global dalam industri bioteknologi menjelang 2020.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, strategi tersebut termasuk menjadikan peranan syarikat BioNexus lebih menonjol dalam fasa ketiga Dasar Bioteknologi Nasional yang dijadualkan bermula pada 2016.

"Kita mempunyai 240 syarikat BioNexus dengan jumlah pelaburan melebihi RM4.41 bilion.

"Kita perlu tingkatkan momentum untuk memberi sokongan dan mengekalkan aktiviti pengkomersialan secara agresif syarikat BioNexus," katanya ketika berucap merasmikan Pameran dan Persidangan BioMalaysia dan Bioekonomi Asia Pasifik 2014 di Kompleks Inovasi dan Pengurusan Penyelidikan, Universiti Malaya di sini.

Menurutnya, fasa ketiga tersebut akan memberi tumpuan kepada perniagaan global yang mana sasarannya adalah membawa Malaysia menjadi pemain global dalam industri bioteknologi.

Sementara itu, Malaysia perlu mempunyai modal insan yang berkemahiran terutama dalam sektor bioekonomi bagi terus memacu inovasi dan pertumbuhan industri tersebut.

Kata Najib, kekurangan tenaga kerja berbakat dalam sektor bioekonomi dapat diselesaikan menerusi perkongsian inovatif antara kerajaan, syarikat swasta dan institusi awam.

Usaha itu termasuk melengkapkan tenaga kerja dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan, memupuk budaya inovatif dan meningkatkan kemahiran melalui latihan.



Najib melihat produk dihasilkan dari kaedah bio di Universiti Malaya, baru-baru ini.

"Universiti dan institusi pengajian tinggi lain perlu bertindak sebagai pengeluar utama kepada tenaga kerja bagi mengisi peluang pekerjaan yang diwujudkan industri berasaskan bio," katanya.

Pameran dan Persidangan BioMalaysia dan Bioekonomi Asia Pasifik 2014 merupakan platform untuk memperkukuhkan bioekonomi industri negara.

FOTO: BERNAMA



Amaran Angin Kencang Di Perairan Sabah Dan Labuan

KUALA LUMPUR, 25 Nov (Bernama) -- Amaran angin kencang dan laut bergelora kategori pertama dijangka melanda perairan Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan bermula Jumaat sehingga Ahad ini.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) pada Selasa, angin kencang timur/timur laut dengan kelajuan 40-50 kmsj dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dijangka berlaku di perairan Kudat, Pantai Barat dan Pedalaman, Sabah dan Labuan.

"Keadaan angin kencang dan laut bergelora ini berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut," menurut kenyataan itu.

Keadaan ini juga bahaya kepada perkapalan di kawasan perairan Sulu, Palawan, Reef North, Layang-Layang, Labuan dan Condore.

-- BERNAMA



Petron Rancang Perluas Kempen Keselamatan Jalan Raya Di Seluruh Negara Tahun Depan

GEORGE TOWN, 25 Nov (Bernama) -- Petron Malaysia merancang memperluas kempen keselamatan jalan raya di kesemua 570 stesen minyaknya di seluruh negara secara berperingkat mulai tahun depan.

Pengurus Keselamatan Korporat, Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Petron Malaysia Refining and Marketing Bhd Lokman Md Hani berkata usaha itu melibatkan pemasangan poster advokasi serta program kesedaran bagi mendidik orang ramai mengenai amalan pemanduan selamat.

"Untuk menjadikan jalan raya selamat bermula dengan individu . Pemanduan beretika dengan mengambil kira faktor keselamatan diri sendiri serta orang lain dapat mengurangkan risiko kemalangan dan menyelamatkan nyawa," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita dalam Kempen Keselamatan Jalan Raya dengan kerjasama Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) bersama 130 penuntut Universiti Sains Malaysia, di sini hari ini.

Beliau berkata pendidikan berterusan penting untuk melahirkan pengguna jalan raya yang bertanggungjawab di samping membekalkan mereka dengan pengetahuan berkaitan.


Terdahulu Lokman berkata peserta yang terlibat dengan kempen keselamatan itu akan menerima bimbingan jurulatih profesional dalam menjalani latihan pratikal pemanduan, cara pengendalian motosikal dan teknik asas menyelenggara kenderaan.

Katanya walaupun kebanyakan pelajar berkenaan telah memiliki lesen memandu namun aktiviti seumpama itu dapat mengingatkan mereka aspek penting keselamatan yang sebelum ini kurang dititik beratkan.

"Antara perkara yang diberi penekanan ialah memastikan tayar berada dalam keadaan baik, kepentingan menyelenggara kenderaan mengikut jadual dan menggunakan peralatan keselamatan seperti topi kaledar dan visor yang diperakui [Sirim](#)," katanya.

Beliau berkata program itu adalah jelajah promosi keempat tahun ini melibatkan pelajar Intituti Pengajian Tinggi (IPT) dan pihaknya bercadang mengadakan projek yang sama di empat lagi IPT tahun depan termasuk Sabah dan Sarawak.

Katanya setakat ini program itu telah memberi manfaat kepada lebih 300 peserta dan mereka turut berpeluang menerima topi kaledar, jaket keselamatan dan minyak pelincir enjin percuma dari Petron.



JAMALUDIN BUJANG

Mavcap mahu tingkat penyertaan bumiputera dalam agihan dana

Oleh AZMAN IBRAHIM
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 25 Nov. - Syarikat modal teroka untuk usahawan dalam industri berteknologi tinggi dan teknologi maklumat, Malaysia Venture Capital Management Bhd. (Mavcap) berjaya mengagihkan sebanyak RM642.75 juta kepada 170 buah syarikat termasuk syarikat bumiputera.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Jamaludin Bujang berkata, pihaknya merupakan syarikat modal teroka yang turut memegang ekuiti kepada setiap syarikat yang diagihkan pembiayaannya.

Setakat ini katanya, pegangan ekuiti maksimum Mavcap dalam syarikat-syarikat yang menerima pelaburannya adalah sehingga 40 peratus.

Jelasnya, pegangan ekuiti itu adalah antara tiga hingga lima tahun, sebelum Mavcap menjual kepentingan tersebut supaya syarikat yang dibiayai itu berdaya saing dan dapat berdiri sendiri.

"Sebelum pegangan ekuiti dilakukan dan pengagihan dana dilakukan, kami akan melakukan penilaian aset dan keuntungan sesebuah syarikat bagi memastikan syarikat yang ingin berkembang maju itu berupaya untuk membawa pulangan yang optimum kepada Mavcap," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Mavcap ditubuhkan pada 2001 dengan peruntukan dana pembiayaan daripada kerajaan kira-kira

Sebelum pegangan ekuiti dilakukan dan pengagihan dana dilakukan, kami akan melakukan penilaian aset dan keuntungan sesebuah syarikat bagi memastikan syarikat yang ingin berkembang maju itu berupaya untuk membawa pulangan yang optimum kepada Mavcap

JAMALUDIN BUJANG
Ketua Pegawai Eksekutif Mavcap

RM1 bilion bermula dari Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

Bercakap mengenai kriteria pemilihan syarikat yang dilakukan Mavcap sebelum pengagihan dana dilakukan, Mavcap mengambil kira lima kayu pengukur.

Kayu pengukur pertama adalah kaedah atau cara baharu yang akan dijalankan syarikat yang ingin menerima pelaburan, kedua, keupayaan dan pengalaman syarikat, ketiga potensi untuk berkembang, keempat, potensi untuk menjual balik pelaburan selepas tiga hingga lima tahun dan terakhir adalah penilaian keuntungan syarikat.

Tambah Jamaludin, Mavcap turut melakukan penyumberan luar pengagihan dana ini menerusi pengurus-pengurus dana yang berkecualan dengan matlamat untuk mencipta dan mengembangkan lagi industri pengurus dana di negara ini.

Katanya, hampir separuh daripada nilai dana yang diagihkan Mavcap diagih sendiri iaitu RM350.35 juta manakala separuh lagi iaitu RM292.4 juta adalah rakan penyumberan luar.

Dari nilai dana pelaburan langsung Mavcap berjumlah RM350.35 juta itu, 38 peratus dilaburkan di dalam syarikat bumiputera yang memenuhi kriteria pelaburan.

Mengenai inisiatif yang dijalankan Mavcap, terbaharu, Mavcap bekerjasama dengan Kumpulan Axiata untuk menubuhkan Dana Inovasi Digital Axiata (ADIF) bagi tujuan mengembangkan lagi usahawan-usahawan teknologi bumiputera.

Malah, syarikat turut membimbing dua buah syarikat di bawah Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) untuk terus berkembang dalam perniagaan berteknologi tinggi dan langkah itu adalah sebagai salah satu tanggungjawab korporat sosialnya.

Jamaludin turut berharap pada Rancangan Malaysia Kesebelas RMK-11, kerajaan dapat memberikan peruntukan dana sebanyak RM500 juta bagi meningkatkan lagi usahawan teknologi tinggi serta penglibatan bumiputera.

MAGIC
Malaysian Global Innovation & Creativity Centre



By JOY LEE
joylmy@thestar.com.my

Getting a foot in the door

Market access can be as important as funding for startups

BEYOND just starting a business, a startup company's main purpose for being is to offer a product or innovation that addresses a problem.

As one investor puts it, a truly innovative product will solve a customer's problem that has not been solved before.

But one of the challenges of introducing a new product or innovation is that it has not been tried or tested. Naturally, the market may be slow in embracing such an innovation.

Additionally, startups rarely have the capacity or network to tap into new markets to bring their products out.

As such, investing partners, with their strong networks and deep pockets, play an important role in the startup ecosystem by providing the kind of market access needed by startups to reach potential customers.

Corporations, investors and even the government are increasingly recognising this need and are providing platforms for startups to tap into, beyond just early and growth-stage funding.

For example, early last year, Telekom Malaysia, the Multimedia Development Corporation and StartupMalaysia.org collaborated on an accelerator programme focusing on getting startups to market quickly.

More recently, telco giant Axiata Group Bhd and Malaysia Venture Capital Management Bhd (Mavcap) recently signed an agreement to establish a RM100mil venture capital fund, the Axiata Digital Innovation Fund (ADIF), to help companies with innovative products in the digital-services space market their offerings.

ADIF will focus on revenue-generating companies that may still require support to grow in terms of funding, know-how and market access. Axiata noted that digital-ser-



Sealing the deal: Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak with Malaysia Venture Capital Management Bhd CEO Jamaludin Bujang (left) and Axiata chief executive officer Datuk Seri Jamaludin Ibrahim at the event announcing the RM100mil Axiata Digital Innovation Fund recently. The fund will focus on helping startups gain access to markets.
— Bernamapic

vices entrepreneurs will have unprecedented access to regional partnership opportunities among other things, thanks to its extensive market reach of over 13 million customers in Malaysia and over 250 million across Asia.

Given Axiata's many years of operations in the region, these startups are also able to leverage the telco's in-depth knowledge of the regional market.

Likewise, Alliance Bank's SME Innovation Challenge 2014 programme provides participating startups with an opportunity to be coached by corporate titans, a platform to network through, and access to markets.

When new products are launched, startups and their investors concentrate the bulk of

their initial efforts on educating the market about what the products offer.

But entrepreneurs understand that having an innovation with little visibility and access to markets does no good.

Startups are now seeing the need for opportunities to tap into existing networks and markets, coaching, exposure and resources, offered by incubation and accelerator programmes.

In other markets where the startup ecosystems are more mature, the private sector and governments have introduced programmes to tackle market-access issues for startups.

These include the US Market Validation Program run by Silicon Valley-based tech

accelerator, US Market Access Center, and the Market Access Grant administered by the Irish government to incentivise companies to develop viable and sustainable market entry strategies for new products and markets.

While such efforts have yet to become well established here, different players in the local ecosystem are becoming more aware of the need to provide startups with market access to ensure better chances of success.

■ This is the seventh instalment of MetroBiz's tie-up with Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC) to explore startup ecosystems.